

# *Sekolah Tmn Tun Dr Ismail*



## *Folio Sejarah*

### **MUZIUM NEGARA**

**NAMA ~**

**KELAS ~**

**NAMA GURU ~**

**BANGUNAN BERSEJARAH YANG DIPILIH ~ *MUZIUM NEGARA***

# Elemen 1

( Mengumpul Fakta Sejarah )

# Elemen 2

( Merekod Fakta Sejarah )

# Kandungan

## Tajuk

## Muka surat

<b>Penghargaan .....</b>	<b>1</b>
<b>Objektif Kajian .....</b>	<b>2 – 3</b>
<b>Kaedah Kajian .....</b>	<b>4</b>
<b>Objektif Penubuhan Muzium .....</b>	<b>5</b>
<b>Hasil Kajian .....</b>	<b>6 - 11</b>
<b>Rumusan .....</b>	<b>12</b>
<b>Lampiran .....</b>	<b>13</b>
<b>Rujukan .....</b>	<b>14</b>

# Penghargaan

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada guru mata pelajaran Sejarah saya iaitu Pn. Safreeyani kerana telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan beliau dalam menjalankan Kajian Kursus Sejarah. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pengetua Sekolah Datin Hajah Hasmah Binti Abu AMW yang telah membenarkan kami menjalankan kajian ini sehingga selesai.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada bapa saya iaitu Dato' Md Noor Bin Mohammad Yusuff dan ibu saya Datin Nooraini Binti Awang yang sentiasa memberi dorongan, galakan dan bantuan kewangan sepanjang saya menjalankan tugas ini. Akhir sekali, kepada rakan-rakan saya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas segala cadangan, tunjuk ajar dan bantuan yang telah anda kongsi bersama.

Akhir kata , saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyiapkan kerja kursus ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi kalian.

# Objektif Kajian

Saya dikehendaki menjalankan satu kajian tentang satu bangunan bersejarah di negara kita. Bangunan yang dipilih oleh saya ialah bangunan Muzium Negara. Kajian saya ini merangkumi objektif-objektif berikut:

- a) Kajian ini dilakukan secara amnya ialah untuk mengenal pasti sumber-sumber Sejarah yang sahih. Ini akan dapat membantu saya membuat satu kajian ilmiah dengan tatacara yang betul, jelas dan tepat.
- b) Kajian ini dapat menambah pengetahuan saya tentang bangunan bersejarah yang ada di Malaysia ini serta dapat memupuk perasaan bangga terhadap tanah air kita. Kajian ini juga dapat menyedarkan rakyat Malaysia betapa pentingnya bangunan bersejarah di negara kita kerana ianya dapat menyedarkan kita untuk menjaga dan mempertahankan bangsa serta memupuk semangat kekitaan dikalangan rakyat Malaysia.
- c) Dengan membuat kajian ini, saya dapat mengetahui asal usul tamadun Melayu. Misalnya seperti bangunan Muzium Negara, untuk mewujudkan satu pusat dokumentasi kegiatan belia yang induk bagi tujuan kajian dan informasi.
- d) Untuk menimbulkan kesedaran masyarakat khususnya golongan belia mengenai sumbangan kegiatan belia kepada masyarakat, bangsa dan negara.

e) Menjalankan penyelidikan terhadap bahan dan artifak yang mempunyai kepentingan kepada sejarah negara.

f) Menjalankan aktiviti permuziuman seperti menyelidik, menghimpun, merekod dan menerbitkan segala khazanah warisan sejarah negara.

g) Mempamerkan dan memanfaatkan bahan artifak warisan sejarah negara di galeri bagi tujuan pendidikan masyarakat ke arah pembinaan jatidiri dan pembangunan bangsa.

h) Menjadikan salah satu produk pelancongan negara.

# Kaedah Kajian

Saya telah menggunakan beberapa kaedah untuk menjalankan kajian tersebut. Antaranya ialah melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Banyak maklumat yang saya perolehi melalui kaedah tersebut. Salah satu laman web yang saya layari ialah Wikipedia. Wikipedia ialah ensiklopedia di dalam internet. Kita boleh mendapatkan banyak maklumat dan fakta-fakta melaluinya dalam pelbagai bahasa.

Selain itu, saya juga merujuk kepada majalah Budaya. Di dalamnya mempunyai sedikit sejarah tentang Muzium Negara.

Saya juga telah membuat lawatan ke Muzium Negara dan pergi ke Perpustakaan Muzium Negara tersebut untuk mencari bahan bukti dan bahan-bahan yang lain.

Disamping itu, saya mendapat maklumat melalui keratan akhbar dimana berita-berita dan juga rencana mengenai Muzium Negara ada ditulis bagi mempromosikannya.

Saya juga berkesempatan mendapat maklumat tentang Muzium Negara ini daripada beberapa jurnal dan bulletin Muzium Negara seperti Majalah Purba dan Jurnal National Museum.



# Hasil Kajian

## Latar Belakang

Perkataan muzium pada asalnya diambil dari perkataan Inggeris “MUSEUM” yang di pinjam dari bahasa Greek Kuno “MUSE” yang membawa makna hiburan (amusement).

Muzium adalah sebuah bangunan atau sebahagian daripadanya yang memelihara dan mempamerkan barangan seni dan sains sama ada satu jenis sahaja atau lebih yang sentiasa mempunyai daya tarikan.

Majlis muzium-muzium Antarabangsa sebuah pertubuhan muzium-muzium sedunia di Perhimpunan Agungnya pada tahun 1974 telah merdefinisikan muzium sebagai institusi yang tidak berorientasikan keuntungan serta kekal di dalam perkhidmatan kemasyarakatan dan pembangunan dan terbuka kepada umum dengan peranan memperoleh, memelihara, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan bagi tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan di samping memperlihatkan bukti kebendaan manusiawi dan persekitarannya. Ini bermakna ia menjalankan tugas terhadap segala barangan seperti bahan-bahan sejarah, ilmu kejadian, kebudayaan dan sebagainya tanpa sebarang pengkhususan.

Sejarah permuziuman di Malaysia bermula pada tahun 1883 apabila pemerintah British menubuhkan Muzium Perak di Taiping. Ini diikuti dengan penubuhan Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888 dan kemudiannya Muzium Selangor pada tahun 1899.

Pada tahun 1910, pengurusan Muzium Perak dan Muzium Selangor disatukan di bawah Jabatan Muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1930, pengurusan tersebut dipisahkan semula sebagai satu langkah di bawah sistem disentralisasi oleh pemerintah British.

Sebahagian daripada bangunan Muzium Selangor telah roboh disebabkan pengeboman yang dilakukan oleh Tentera Udara Pihak Perikatan pada 10 Mac 1945. Akibatnya, sebahagian besar artifak telah musnah tetapi sebahagian daripada koleksi Muzium Selangor yang terselamat dipindahkan ke tempat lain. Ada yang dibawa ke Muzium Perak, Taiping oleh pegawai Jepun yang mentadbir Muzium Selangor ketika itu. Selepas Jepun menyerah diri, kerja-kerja pengendalian muzium dilaksanakan oleh seorang pegawai Inggeris. Usaha untuk menubuhkan sebuah muzium sementara bagi menempatkan khazanah warisan Negara dilakukan oleh Jeneral Sir Gerald Templer. Beliau telah mendirikan sebuah bangunan berukuran 60 kaki panjang dan 30 kaki lebar. Muzium sementara ini kekal selama kira-kira lapan tahun.

Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah mengambil daya usaha untuk membina Muzium Negara di atas tapak Muzium Selangor.

Pada tahun 1959, sejeurus selepas kemerdekaan, kerajaan melantik seorang arkitek iaitu Encik Ho Kok Hoe untuk mereka bentuk Muzium Negara yang akan dibina di atas bekas tapak Muzium Selangor. Dalam tempoh masa yang sama pihak UNESCO, Paris juga turut membantu dengan menghantar seorang pakar muzium dan arkitek. Beliau ialah lother P. Witterburg yang pernah menjadi Ketua Bahagian Pameran Di Natural History Museum, New York.

Setelah Tunku Abdul Rahman Memilih reka bentuk bangunan (seperti yang ada sekarang) sebuah syarikat pembinaan bernama Syarikat Yew Lee telah dilantik untuk mula membina bangunan Muzium Negara pada 2 Januari 1962.

Muzium ini berukuran 124 kaki persegi, 362 kaki panjang dan 60 kaki lebar. Kos untuk pembinaan bangunan muzium ketika itu tidak termasuk gambar mural ialah RM 1.5 juta. Semasa Muzium Negara sedang dibina, beberapa orang pakar muzium telah datang untuk memberi khidmat kepakaran dalam kerja-kerja mereka bentuk pameran. Antaranya ialah John Irwin dan J.J. Lowry dari Victoria and Albert Museum, London. Mereka berada di sini selama lima bulan tetapi J.J. Lowry kembali semula menggantikan Haji Abdul Mubin Sheppard sebagai Pengarah Muzium.

Bangunan ini telah dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-III Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963.

Tujuan penubuhan Muzium Negara ini adalah untuk menghimpun segala khazanah sesuatu bangsa. Harta benda yang wujud atau pernah hadir di dalam sejarah sesuatu bangsa dapat menonjolkan keluhuran hati budi bangsa itu. Barangan yang dipergunakan oleh bangsa tersebut pula berkait rapat dengan kebudayaan dan apabila ia di perturunkan dari generasi ke generasi, maka ia dikatakan “Warisan Kebudayaan”.

Lokasi Muzium Negara ini terletak di Jabatan Muzium Malaysia, Jalan Damansara 50556 Kuala Lumpur. Iaitu terletak di tengah Bandar Kuala Lumpur.

### **Keistimewaan Bangunan**

Pelan bangunan muzium ini juga merangkumi dua buah mural besar yang diabadikan di dinding hadapan bangunan bagi menggambarkan tradisi seni budaya dan sejarah negara. Setiap mural berukuran 115 kaki panjang dan 20 kaki tinggi, diperbuat daripada mozek Itali, harga satu setengah juta ringgit, sumbangan seorang dermawawan, Dato' Lee Kong Chian.

Gambar yang tertera pada mural ini adalah hasil karya Cheong Lai Tong dari Kuala Lumpur yang memenangi satu pertandingan melukis anjuran Jabatan Perdana Menteri.

Kerajaan Pakistan juga telah menghadiahkan batu mozek biru di Dewan Tengah. Batu mozek ini dilukis dan diimport khas dari Pakistan. Seorang dermawan dari Singarura bernama Aw Cheng Chye turut menghulur bantuan dengan menderma batu mozek yang menghiasi tangga utama Muzium Negara. Pada peringkat permulaan sebahagian daripada bahan-bahan pameran Muzium Negara dihadiahkan oleh pelbagai golongan masyarakat termasuk DYMM Sultan Johor. Seni bina muzium ini berasaskan seni bina Istana Raja-raja Melayu dan mempunyai empat buah galeri utama.

## Koleksi Dan Galeri

### **Galeri A - Kemunculan Masyarakat Awal**

Galeri ini mempersembahkan segala maklumat dan bukti-bukti tinggalan kebudayaan (material Culture) masyarakat awal di Malaysia. Melalui kajian sejarah dan kerja-kerja ekskavasi di lapangan oleh ahli-ahli akademik dan arkeologi mendapati bahawa masyarakat terawal di negara ini muncul kira-kira 500,000 tahun SM. Masyarakat ini menjalani kehidupan dengan berburu dan mendiami kawasan tebing-tebing sungai, tasik dan juga gua.

Zaman ini dikenali sebagai zaman batu berdasarkan penemuan artifak-artifak yang diperbuat daripada batu dan lukisan yang terdapat pada dinding gua seperti yang ditemui di Kota Tampan (Perak), Gua Niah (Sarawak), Ulu Tembeling (Pahang) dan Tingkayu (Sabah). Pentarikhan (Geo-Paleontologi dan Geo-Morfologi) yang dilakukan ke atas kawasan dan tinggalan artifak ini menunjukkan terdapatnya perkembangan kebudayaan dan corak hidup masyarakat yang dibahagikan kepada tiga zaman iaitu Paleolitik, Hoabinhian dan Neolitik. Selain itu, galeri ini juga memaparkan maklumat dan artifak-artifak dari Zaman Logam, Kebudayaan Megalitik dan Proto Sejarah .

## **Galeri B - Kerajaan-kerajaan Melayu Awal**

Galeri ini menyelusuri sejarah perkembangan tamadun Melayu selepas zaman pra sejarah dengan pembentukan kerajaan-kerajaan awal yang mempunyai sistem kenegaraan, ekonomi, keagamaan dan kebudayaan sebagai jatidiri wilayah Alam Melayu (Malay World) termasuk Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo. Kemunculan penempatan dan kerajaan awal yang digambarkan dalam galeri ini secara tidak langsung dapat membuktikan perkembangan sosio-politik Melayu, jaringan sistem ekonomi terutama perdagangan antarabangsa dan perluasan ciri-ciri kebudayaan serta keagamaan kelompok rumpun Melayu. Kewujudan kerajaan-kerajaan awal ini diperkuatkan lagi dengan pameran artifak-artifak yang mempunyai pengaruh keagamaan yang menjadi mercu tanda sesebuah kerajaan itu.

## **Galeri C - Negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak 1511 -1945**

Galeri ini memaparkan sejarah negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak ketika berada di bawah cengkaman kuasa asing yang bermula pada tahun 1511 menerusi penceroboh Portugis ke atas Kota Melaka. Siri Penjajahan ini berlarutan dan silih berganti kepada Belanda dan menular ke seluruh negara menerusi penguasaan British dan Jepun. tarikan kepada kuasa asing ini adalah hasil-mahsul bumi Melayu. Mereka datang untuk menguasai perdagangan rempah serta mengeksploitasi bahan mentah, khususnya bijih timah yang merupakan bahan mentah yang terpenting semasa tercetusnya revolusi perindustrian di negara-negara Eropah pada kurun ke-18. Penguasaan kuasa-kuasa asing ke atas negara ini berlaku selama lebih 400 tahun. Tempoh ini menyaksikan kekayaan negara dibolot dan dieksploitasi menyebabkan timbulnya bibit-bibit kesedaran dan semangat perjuangan anak bangsa untuk bangkit membebaskan diri dari belenggu penjajahan. Turut dimuatkan adalah perubahan-perubahan sosial, politik dan ekonomi yang berlaku di sepanjang tempoh tersebut.

## **Galeri D - Gerakan Nasionalisma, Kemerdekaan dan Malaysia Kini**

Galeri ini menyingkap sejarah gerakan nasionalisme yang dipelopori oleh tokoh-tokoh kebangsaan sehinggalah kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO (United Malay National Organisation) pada tahun 1946. Kelantangan suara menuntut hak dan pembebasan sepenuhnya dari tangan British telah diperjuangkan pelbagai pihak dari pelbagai kaum sehinggalah negara ini akhirnya kembali merdeka sebagai sebuah negara yang bebas dan berdaulat pada 31 Ogos 1957 menerusi meja rundingan. Pada 16 September 1963 negara maju setapak lagi dengan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura (1963-1965). Penubuhan Malaysia telah mewujudkan satu entiti politik yang kukuh dan bersepadu sehingga ke hari ini. Perpaduan kaum, kestabilan politik yang bertunjangkan sistem pemerintahan raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen serta pencapaian-pencapaian negara yang membanggakan termasuk pembangunan fizikal yang bersifat moden, mega dan mencakar langit turut menjadi paparan galeri ini.

# Rumusan

Saya amat bersyukur kerana telah menyelesaikan Kerja Kursus Sejarah dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ketika menjalankan kerja kursus ini, banyak pengetahuan, pengajaran dan nilai yang telah saya pelajari. Saya telah mempelajari dan mengetahui banyak perkara yang berfaedah semasa melaksanakan kerja kursus ini. Saya telah banyak memperoleh maklumat tentang sejarah Muzium Negara ini. Oleh itu, saya mesti menghargai dan memelihara warisan dahulu kala kita dan menghargai serta berusaha untuk mengekalkannya. Saya juga telah mempelajari tentang keistimewaan dan keunikan bangunan ini yang dapat menarik minat ramai pelancong dalam negara dan pelancong asing.

Saya juga dapat menghayati nilai kesabaran, kejujuran dan kerjasama. Nilai kerjasama telah membuatkan saya berganding bahu untuk mencari maklumat tentang bangunan bersejarah itu.

Kerja kursus ini juga memberi peluang kepada saya untuk menguasai kemahiran membuat penyelidikan dengan tatacara yang betul serta dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Selain itu, nilai yang telah saya perolehi ialah keberanian untuk berkomunikasi, memupuk sifat menghargai tradisi budaya dan bangsa negara kita. Kini, saya telah mengenali erti tidak putus asa dalam melaksanakan sesuatu tugas.

# Rujukan

**INTERNET** - <http://www.scribd.com/doc/3511130/FOLIO-SEJARAH>  
- [http://id.wikipedia.org/wiki/Museum\\_Negara\\_Malaysia](http://id.wikipedia.org/wiki/Museum_Negara_Malaysia)  
- <http://www.jmm.gov.my/ms/content/permuziuman>

**BUKU ILMIAH** 1. Majalah Purba ,Bilangan 1983

2. Buletin 2002, JWA

3. DEwan Budaya, September 2004(Fokus)

4. Berita Newsletter JMA, Jilid 7/ Bil 2 April- Jun

5. 40 tahun Muzium Negara ,1963- 2003


6. National Museum ,Percetakan Jiwa Baru,2003

**Keratan Akhbar** - Berita Harian

**Lawatan** - Melawat Ke tempat kajian Lawatan bersama Ibu pada 12 April 2009



# Lampiran



(cari sendiri)

## **Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Dapat Memupuk Semangat Cintakan Warisan Bangsa Dalam Kalangan Rakyat Malaysia.**

Dewasa kini, kerajaan telah menyarankan agar generasi muda kini dapat menghargai bangunan bersejarah di tanah air kita. Oleh itu, kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk memelihara dan memulihara bangunan bersejarah agar dengan itu dapat memupuk semangat cintakan warisan bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia.

Hal ini kerana, aktiviti semangat cintakan warisan bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia dapat menimbulkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Sebagai contoh, bangunan yang dibina iaitu bangunan Muzium Negara dapat lagi kita lihat dari dahulu hingga sekarang. Bangunan itu masih kekal dan tidak berubah. Oleh itu, kita mesti berbangga dengan sejarah negara. Impaknya, masyarakat akan bekerjasama dan tolong menolong untuk mempertahankan bangunan-bangunan bersejarah ini. Dengan adanya Muzium Negara ini generasi baru dapatlah mempelajari tentang warisan dahulu dan sekarang serta banyak ilmu dapat diperolehi daripada pameran dan artifak yang di pamerkan di galeri-galeri tersebut.

Bangunan bersejarah di negara kita ini banyak meninggalkan kesan sejarah yang menarik untuk dikenang seperti bangunan Sultan Abdul Samad yang pernah dijadikan sebagai tempat pengumpulan raja-raja Melayu sewaktu menentang Malayan Union. Peristiwa sedemikian mengingatkan kita betapa susah mereka untuk mempertahankan tanah Melayu ini daripada jatuh ke tangan British. Ini membuatkan kita sebagai rakyat Malaysia lebih menghargai negara kita. Daripada bangunan bersejarah itu dulu kita akan lebih bersemangat, rajin dan gigih untuk meningkatkan diri sebagai rakyat negara yang maju dan cinta akan agama bangsa dan negara serta berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Selain itu, semangat setia negara akan tersemai di jiwa setiap masyarakat. Misalnya tokoh-tokoh negara yang telah mengadaikan nyawa dan harta untuk berjuang habis-habisan bagi memerdekakan tanah air Malaysia yang kita duduki sekarang dan membina bangunan bersejarah seperti Muzium Negara.

Kesimpulannya, kita mesti taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara kerana mereka telah berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara. Oleh itu, kita mesti berterima kasih kepada tokoh-tokoh negara dengan cara berusaha untuk terus memelihara dan memulihara bangunan bersejarah tersebut dan yang paling utama ialah bersyukur kepada yang Ilahi iaitu ALLAH S.W.T. kerana telah memberi tenaga untuk berusaha memerdekakan tanah air kita ini. Dengan usaha dan tenaga pemimpin kita juga dapatlah membina bangunan bersejarah khasnya Muzium Negara ini yang kini menjadi bangunan bersejarah yang dapat memupuk semangat cintakan warisan bangsa dalam kalangan rakyat Malaysia.